



BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 3 (60)
Tarikh : 25 Mei 2024

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G2** dalam kategori pengkhususan seperti berikut, mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah bagi menjalankan kerja-kerja berikut :

Bil.	No Sebutharga	Keterangan Kerja	Berdaftar dengan CIDB, PKK, SPKK, STB & KKM	Taklimat / Lawatan Tapak
1	BP 06/2024	Kerja-Kerja Penggantian Bumbung Rumah Kedai Serta Kerja Berkaitan Di RAHR Dusun Nyior, Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan: B15, B14 & B24	Rumah Kedai RAHR Dusun Nyior, Seremban 10.00 Pagi (02 Mei 2024)
2	BP 07/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Baik Pulih CST (Communal Septic Tank) Di RAHR Pekan Lukut, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Gred : G2 Kategori : SPAN (Permit IPA jenis D), CE Pengkhususan: CE21, CE19	Bilik Mesyuarat Teratai, Tingkat Bawah, Wisma Negeri 10.30 Pagi (02 Mei 2024)

2. Kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut **WAJIB** menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti di atas. **HANYA PENAMA DI DALAM CIDB SAHAJA** di benarkan untuk mendaftar dan Kontraktor perlu membawa COP Syarikat semasa mendaftar di tapak.

3. Borang sebutharga akan mula dijual pada **02 Mei 2024 (Khamis)** sehingga **09 Mei 2024 (Khamis)**. Pembelian borang selepas tarikh tersebut **tidak akan dilayan**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. **Hanya kontraktor yang telah mendaftar di Lawatan Tapak sahaja yang dibenarkan membeli borang**. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.30 petang – 4.00 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.30 petang – 4.00 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **09 Mei 2024 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG-POS / WANG-KIRIMAN POS / DERAJ-BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(NURKHAIRUN NISA BINTI MOKHTAR)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perumahan